



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	-		

Isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara BH, 7 Sept  
2021\_14

# 'Mustahil PH Selangor tak tahu'

**Kuala Lumpur:** UMNO mempersoalkan tindakan kepemimpinan Pakatan Harapan (PH) Selangor berhubung isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketua Penerangannya, Shahril Sufian Hamdan, berkata keputusan nyahwarta status hutan simpan itu pada Mei lalu mustahil tidak diketahui parti komponen PH di Selangor.

Beliau berkata, ini kerana semua parti komponen PH mempunyai wakil masing-masing dalam EXCO Kerajaan negeri Selangor.

"Saya ingin mengucapkan 'syabas' atas keprihatinan PH Selangor, terutama Pengerusinya yang bermesyuarat bersama rakan komponen lain selepas beberapa hari membisu susulan terbongkarnya penyahwartaan HSKLU secara senyap-senyap pada Mei lalu.

"Dalam kenyataan dikeluarkan selepas mesyuarat itu, Pengerusi PH Selangor yang juga Menteri Besar Selangor berjanji membawa isu itu kepada 'Men-

teri Besar Selangor' serta barisan EXCO kerajaan negeri.

"Selepas kecoh, mereka sendiri acah-acah bantah keputusan dibuat, tiada mohon maaf, tiada mengaku terkhilaf," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Jumaat lalu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata akan membawa isu berkaitan penyahwartaan HSKLU ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada Rabu ini.

MMKN pada 5 Mei lalu memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 dan disahkan pada 19 Mei.

Keputusan MMKN itu menimbulkan bantahan banyak pihak kerana lokasi itu adalah antara hutan gambut terakhir di selatan Selangor.

Sementara itu, keputusan kerajaan negeri melalui Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) menyahwartakan 536.7 hektar HSKLU untuk tujuan komersial secara tiba-tiba terus menjadi tanda tanya.

Pengerusi MCA Bahagian Kuala Langat, Datuk Ei Kim Hock berkata, pihaknya amat terkejut dengan laporan berhubung isu berkenaan menerusi persidangan DUN bulan lalu.

"Kerajaan negeri bersetuju mengeluarkan 536.7 hektar dari HSKLU untuk tujuan komersial melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 12 Ogos lalu.

"Ini bertentangan dengan ketetapan pada November tahun lalu di mana DUN sebulat suara tanpa mengira parti menolak usul pembatalan status kekal HSKLU.

"Keputusan MMKN ini menimbulkan satu persoalan sama ada Exco atau Dewan yang lebih berkuasa. Adakah wujud penyalahgunaan kuasa ketika keputusan itu dibuat, kami mohon kerjasama SPRM untuk menjalankan siasatan," katanya.

